

Negara pengeluar minyak digesa kaji semula dolar AS

UM 17 JUN 2003

KUALA LUMPUR 16 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa negara pengeluar dan syarikat minyak mengkaji semula penggunaan dolar Amerika Syarikat (dolar AS) untuk perdagangan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, penggunaan dolar AS sebagai mata wang tunggal untuk perdagangan minyak mendedahkan para pengeluar kepada kemudahan akibat manipulasi penyangak mata wang.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya sebut harga semasa ditukar kepada mata wang Kesatuan Eropah, Euro, yang meningkat tinggi berbanding dolar AS sejak tiga tahun lalu.

“Tiga tahun lalu satu Euro bernilai kira-kira 80 sen AS, (tetapi) hari ini satu Euro bernilai 120 sen AS. Jadi nyata dolar AS telah hilang 40 sen berbanding Euro, menyebabkan negara pengeluar minyak mendapat nilai yang lebih rendah berbanding harga yang disebut.

“Mungkin adalah lebih baik sekiranya pembayaran jual beli minyak oleh negara pengeluar dibuat dalam Euro yang bersama-

an nilainya dengan dolar AS.

“Jadi peningkatan Euro akan menguntungkan pengeluaran (tetapi) sekiranya Euro merudum berbanding dolar, pembayaran harus dibuat dalam dolar AS,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan perasmian Persidangan Minyak dan Gas Asia Kelapan di Hotel Mandarin Oriental, di sini hari ini.

Ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr. Mahathir menambah, penggunaan Euro bagi menggantikan dolar AS merupakan satu bentuk lindung nilai yang tidak salah kerana bergantung kepada perubahan yang tidak dimanipulasi.

Beliau bagaimanapun menyatakan rasa gembira kerana negara-negara kaya akhirnya menyedari kerosakan yang dibawa oleh pedagang mata wang dan dana lindung nilai seperti yang disuarakannya beberapa tahun lalu.

“Dana lindung nilai telah dibiarkan memusnahkan ekonomi dunia, menghuru-harakan banyak negara dan memiskinkan berjuta-juta orang.

“Tetapi sekarang negara kaya juga diserang dan kejatuhan dolar sedikit sebanyak berkait dengan manipulasi oleh pedagang mata wang ini,” katanya lagi.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan seharusnya boleh menguasai mata wang masing-masing dan menstabilkannya bagi mengurangkan risiko serta mempercepatkan pertumbuhan perdagangan.

“Usaha itu adalah jauh lebih baik daripada cuba menstabilkan dunia menggunakan senjata.

“Ia tidak akan berjaya kerana sejarah membuktikan orang akan melawan sekiranya ditekan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, Asia Barat yang menyimpan sebahagian besar rizab minyak dunia kemungkinan besar kekal tidak stabil dalam beberapa tahun akan datang.

“Pelbagai isu tertunggak seperti pelan damai Asia Barat yang baru sehingga kini belum menghasilkan penyelesaian yang adil kepada mereka yang ditindas.

“Perang terhadap Iraq baru-baru ini tidak membantu menjayakan keamanan.

“Secara teknikalnya, perang mungkin telah berakhir, tetapi peperangan menentang keganasan belum boleh dianggap berjaya dengan kejayaan tentera bersekutu AS,” katanya.

Sementara itu, Abdullah dalam sidang akhbarinya berkata, seruan Perdana Menteri itu dibuat supaya pengeluar minyak Asia memperoleh manfaat lebih baik daripada penetapan harga berkenaan.

“Bagaimanapun perlu ada satu mekanisme untuk menentukan penggunaan mata wang yang bergantung kepada mata wang mana lebih baik.

“Jika perdagangan menggunakan Euro lebih baik, teruskan tetapi jika tidak, gunakan dolar AS.

“Jadi perlu ada satu bentuk mekanisme untuk memberikan fleksibiliti untuk syarikat (dan negara) minyak memutuskan yang mana lebih baik,” ujarnya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, syarikat minyak kebangsaan, Petroleum Nasional Bhd. (Petronas) sedia maklum mengenai cadangan tersebut dan akan memikirkan apa yang terbaik.

“(Tetapi) perlu ada perbincangan konstruktif mengenainya,” ujar beliau.